




Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM.100-2/2/3 JLD. 4 (36)
Tarikh : 2 September 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


3/9.
DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 34/2021 (22 Ogos hingga 28 Ogos 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 34/2021 dari 22 Ogos hingga 28 Ogos 2021)

Pada minggu ke-34, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 54 kes (13.2%), menjadikan jumlah kes 356 berbanding 410 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-34. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 17,888 kes berbanding 69,815 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.4% (51,927 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 10 kematian berbanding 113 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 103 kematian (91.2%) **(Lampiran A & C)**. Terdapat sebanyak sembilan (9) lokaliti hotspot pada minggu ke-34 berbanding 10 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 19 kes pada minggu ke-34 yang mana masing-masing tujuh (7) kes dari Selangor serta WPKL & Putrajaya, masing-masing dua (2) kes dari Perlis serta Kelantan dan satu (1) kes dari Perak. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 926 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,080 sampel darah dan 26 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Walaupun tren kes Demam Denggi dalam negara menunjukkan tren yang rendah ketika ini, setiap lapisan masyarakat perlu terus melaksanakan tindakan proaktif dengan mencari dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes di persekitaran premis masing-masing. Penyimpanan barang-barang lusuh yang tidak diperlukan boleh menyumbang kepada tempat hurungan nyamuk Aedes. Oleh itu, amalkan sikap kemas, sisih dan buang barang-barang lusuh yang tidak digunakan secara berkala. Gunakan semburan aerosol jika terdapat banyak hurungan nyamuk di dalam rumah untuk membunuh nyamuk dewasa serta pakailah repelan bagi mengelak gigitan nyamuk terutama jika berada di luar rumah terutama pada waktu puncak. Waspadalah, jangkitan Demam Denggi boleh membunuh. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
8 September 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 33 dan ke- 34 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 34 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-34 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 34/2021
(22 Ogos hingga 28 Ogos 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 34/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 34/2020	
		Minggu 34 (22 Ogos – 28 Ogos 2021)		Minggu 33 (15 Ogos – 21 Ogos 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	16	0	58	0
2	Kedah	6	0	3	0	369	0	644	0
3	P. Pinang	1	0	1	0	284	0	734	2
4	Perak	3	0	11	0	419	1	2,298	3
5	Selangor	266	0	296	0	10,580	2	36,054	34
6	WP KL & Putrajaya	30	0	31	0	2,084	1	8,025	6
7	N. Sembilan	11	0	9	0	409	1	2,155	7
8	Melaka	9	0	4	0	460	0	1,756	5
9	Johor	7	0	20	0	1,383	1	7,799	29
10	Pahang	5	0	8	0	323	1	2,175	6
11	Terengganu	0	0	0	0	31	0	301	0
12	Kelantan	1	0	4	0	141	0	3,334	5
13	Sarawak	4	0	4	0	271	0	1,264	2
14	Sabah	13	0	19	0	1,114	3	3,213	14
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	356	0	410	0	17,888	10	69,815	113

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 34/2021
(22 Ogos hingga 28 Ogos 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 11/3	17	88
2	SELANGOR	Petaling	E13. Tmn Perindustrian Sime UEP Subang (Jln TP)	27	74
3	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/2	20	61
4	SELANGOR	Petaling	E14. USJ 16 (Sri Tanjung)	17	59
5	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 2 (1) [Jln Ss 2/1-2/4, 2/4a,4b, 2/5-2/23, 2/25, 2/25a]	11	51
6	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 3 Bandar Teknologi	8	47
7	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Serdang Perdana (Fortune Park Apt) @ Suria Perdana	5	37
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berlian	6	32
9	SELANGOR	Petaling	E4. Sek U16 (Denai Alam Teres F : Jln U16/61 - U16/65)	18	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 34/2021 (28 Ogos 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	17	94
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	38	
2.	Kedah	Baling	4	122
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Bachok	1	25
		Gua Musang	1	
		Kota Bharu	7	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	10	
4.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	4	4
6.	Perak	Kampar	1	177
		Kinta	9	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	30	46
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	7	
8.	Selangor	Gombak	34	16
		Hulu Langat	51	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	

		Petaling	4	
		Sepang	6	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	40	282
		Kepong	101	
		Lembah Pantai	39	
		Titiwangsa	102	
10.	Perlis	Kangar	3	3
JUMLAH KUMULATIF			926	